

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 78)

24 MAC 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 8)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK AARON AGO ANAK DAGANG
[KANOWIT]**

TARIKH : 24.3.2015

SOALAN :

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian sedar dengan masalah perkhidmatan internet di sekolah-sekolah luar bandar Sarawak yang menjejaskan pelaksanaan laporan sistem baru sekolah dan apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memastikan agar semua sekolah di seluruh negara termasuk di negeri Sarawak dirangkaikan dengan talian internet yang terbaik sedia ada mengikut lokasi. Dalam Projek 1BestariNet Fasa 2, KPM akan merangkaikan semua sekolah yang berada dalam lingkungan 5 km dari fiber *distribution point* dengan capaian internet minimum 4Mbps.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi sekolah-sekolah di luar bandar dan pedalaman, KPM akan meningkatkan capaian dari 100Kbps ke 800Kbps setiap sekolah. Kesemua ini akan terlaksana secara berperingkat mulai Julai 2015.